

Oleh **Abd Razak Hussin**



## UKM lahir atas inspirasi rakyat

**P**erjalanan ke Kelantan beberapa minggu lalu membolehkan penulis berbicara dengan beberapa anak muda mengenai banyak perkara. Jalal, Fauzi dan Zainol, warga kerja dan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut sama dalam perjalanan menyampaikan sumbangan memperluaskan pusat sumber di Sekolah Kebangsaan Tumpat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tumpat.

Walaupun kedua-dua sekolah berkenaan tidak terjejas akibat banjir besar yang melanda pantai timur penghujung tahun lalu, hampir semua pelajar dan warga kerjanya terbabit bahkan ada yang terkesan teruk, termasuk rumah yang musnah.

Penulis mengatakan kepada anak muda itu, UKM sebuah institusi kebangsaan yang jiwanya kesinambungan aspirasi dan cita-cita rakyat jelata seawal abad kedua puluh yang memerlukan sebuah universiti, simbol identiti dan jati diri bangsa.

Institusi ini melambungkan sebuah universiti kebangsaan selagi ia tidak terpisah daripada persoalan rakyat jelata apabila ia terus peduli dengan kegelisahan masyarakat dan tatkala ia sentiasa menyelami penderitaan dan keperluan manusia sejagat.

Sebaliknya UKM hilang ciri kebangsaan sekiranya sirna rasa 'budid' iaitu menabur budi dan membalas budi dalam rohinya. Sebagai manifestasi kesuburan nilai ini, UKM mula memberi perhatian kepada pelbagai pihak, termasuk sekolah berkenaan yang pernah menyumbang kepada Tabung Penuhuan UKM pada 1969 lalu.

Penulis mengatakan, sama ada sebagai warga kerja atau pelajar, mereka harus membentuk dan memiliki perwatakan tertentu dengan ciri khusus kerana mereka berada dalam sebuah organisasi yang lahir hasil proses yang sangat sukar, panjang dan berliku.

Lahirnya tidak semudah memenuhi janji kempen pilihan raya atau kerana keperluan memenuhi desakan pasaran kerja terhadap kepakaran teknologi maklumat, kejuruteraan, sains dan teknologi, perubahan dan sains kesihatan. Apabila saja seorang pemimpin tertinggi mengatakan tubuhkan sebuah universiti, maka tertubuhlah universiti tidak lama selepas itu kerana negara memiliki dana untuk tujuan terbabit.

Lantas, sensitiviti atau kepekaan terhadap perubahan persekitaran harus menjadi satu daripada ciri

warga UKM. Demikian juga penulis sebutkan kepada pegawai muda lain seperti Haji Zanudin, Mursidi, Raja Azri, Aizam, Rushdy, Baharuzaini, Firli, Fahmi dan Zansyuwari bahawa apabila kita bekerja di universiti, misi kita berbeza.

Bagi penulis, universiti apatah lagi UKM, harus terkehadapan menawar nilai yang diperlukan masyarakat kerana universiti ini hadirnya diinspirasi rakyat jelata.

Oleh kerana itu, selain menerusi aktiviti akademik konvensional menerusi pengajaran pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan perundangan, UKM menggerakkan siri Bicara PERSADA, satu wahana mengupas persoalan semasa dan mendesak yang menjadi polemik masyarakat.

Bicara PERSADA diisi dengan aktiviti wacana secara santai dan kurang berprotokol, menampilkan tokoh pelbagai disiplin yang mewakili pandangan akademik, kerajaan, undang-undang, NGO, agamawan, budayawan dan mungkin juga pihak keselamatan.

Pertanggungjawaban terhadap kanak-kanak apabila muncul isu Firdaus, halal haram makanan kerana dikatakan wujud elemen khinzir, MHI7 yang menggegat arena antarabangsa, keselamatan sempadan dilihat sering bolos, hak mahasiswa yang terus dipersoal anak muda, berulangnya kebocoran soalan UPSR, gelandangan dikatakan mencemar bandar raya, bajet kesejahteraan rakyat walau sedang dalam kesempitan, realiti buli di sekolah, bencana banjir yang perlu ditangani secara lebih teratur, fahaman Islam liberal semakin menular, jihad dan IS yang menggelirukan, rotan yang dikaitkan dengan penderaan, hudud yang menjadi kebimbangan dan keraguan mengenai komuniti ASEAN antara persoalan dalam keperhatian UKM kerana semua isu terbabit menghambat pemikiran rakyat.

Ternyata aktiviti berkenaan mulai menarik dan mempertingkatkan kepedulian warga UKM, khususnya generasi muda dan membolehkan mereka membicarakannya dengan terbuka, secara intelektual dalam ruang kebebasan akademik, memberi beberapa alternatif penyelesaian. Menariknya, program itu kini mendapat perhatian dan kedahagaan pelbagai pihak.

**Penulis ialah Timbalan Pengarah di Jabatan Canselor UKM**

**FAKTA**  
UKM sebuah institusi kebangsaan yang jiwanya kesinambungan aspirasi rakyat